

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 ( ISNIN )**

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah panjang bagi memulihkan sektor pelancongan negara terutamanya pemain industri pelancongan di Terengganu yang terjejas teruk selain bantuan yang dikemukakan dalam pakej bantuan PEMULIH.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pandemik COVID-19 telah menjejaskan keseluruhan ekosistem pelancongan negara dan merencatkan pertumbuhannya sehingga industri ini berhadapan dengan saat-saat yang paling mencabar. Sebagai industri yang berorientasikan mobiliti, pelancongan adalah salah satu sektor ekonomi yang paling teruk terkesan. Justeru, rancangan pemulihan pelancongan yang efektif adalah kritikal dalam mencari keseimbangan antara kepentingan ekonomi dan kesihatan awam.

2. MOTAC melalui agensinya Tourism Malaysia secara berperingkat mempergiatkan program promosi domestik dan luar negeri bagi merancakkan dan menggalakkan semula aktiviti pelancongan negara. Salah satu strategi dalam menyampaikan maklumat pelancongan serta berkongsi pandangan dalam menyesuaikan elemen pelancongan di bawah norma baru. Antaranya melalui penyertaan pameran, seminar, jerayawara secara maya di peringkat antarabangsa untuk mewujudkan kesedaran ("*creating awareness*") bahawa Malaysia adalah destinasi pelancongan dan percutian yang selamat serta menyatakan kesediaan Malaysia dalam menerima pelancong antarabangsa apabila pintu sempadan dibuka kelak.

3. MOTAC turut menyokong inisiatif Kerajaan dalam menggalakkan rakyat Malaysia mendaftar pengambilan vaksin melalui Kempen Promosi *Rindu Melancong? Jom Vaksin Dulu!* yang giat dipromosikan agar misi Kerajaan dalam mencapai imunisasi kelompok dapat dicapai dengan segera dan sekaligus boleh mempercepatkan sektor pelancongan negara untuk kembali aktif.

## NO. SOALAN : 41

4. Selain itu, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan bagi meringankan kepayahan penggiat industri pelancongan melalui pakej-pakej ransangan ekonomi yang telah diumumkan seperti PEMERKASA dan PEMULIH. Antaranya ialah Geran Bantuan Khas Secara *One-Off* kepada penggiat-penggiat industri seperti syarikat pengendalian pelancongan berlesen dengan MOTAC, ejen MM2H, pemandu pelancong, pengendali inap desa di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia MOTAC serta pengusaha Spa dan Pusat Urutan Kaki yang berdaftar dengan MOTAC.

5. Antara contoh bantuan lain yang turut diberikan adalah seperti:

- (i) pelanjutan diskaun bil elektrik kepada penggiat industri
- (ii) pengecualian cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan kepada pengusaha hotel sehingga 31 Disember 2021; dan
- (iii) Skim Subsidi Upah.

6. Di samping itu, MOTAC sendiri turut telah melaksanakan inisiatif-inisiatif bukan kewangan untuk membantu syarikat pengendali pelancongan. Antaranya dengan memberi beberapa kelonggaran kepada syarikat pengendali pelancongan bagi membantu penggiat industri pelancongan seperti Kelonggaran Berkaitan Kompaun, Pengecualian Fi Kepada Pengusaha Pelancongan dan Kelonggaran Syarat Lesen Kepada Pengusaha Pelancongan. Semua bantuan ini telah memberi manfaat kepada 5,340 syarikat pengendali pelancongan yang berlesen di bawah MOTAC.

7. Bagi membolehkan industri pelancongan kembali bangkit, MOTAC, melalui beberapa siri perbincangan bersama penggiat industri pelancongan, telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan berpaksikan Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 yang memberi tumpuan kepada pelbagai strategi seperti:

- (i) merencanakan semula pelancongan domestik;

**NO. SOALAN : 41**

- (ii) mengembalikan keyakinan awam untuk melancong sambil menyesuaikan diri dengan norma baharu;
- (iii) memberi keutamaan kepada digitalisasi proses perniagaan menerusi aplikasi teknologi tanpa sentuhan yang selamat dan lancar;
- (iv) meningkatkan kemahiran penggiat industri menerusi program pemahiran semula atau *reskilling and upskilling* yang berterusan demi meningkatkan kapasiti dan kredibiliti profesion pelancongan dalam norma baharu;
- (v) mempromosikan pembangunan pelancongan lestari dengan menyusun semula usaha untuk memulihara dan memelihara alam sekitar;
- (vi) memperkukuhkan kerjasama awam-swasta terutama dalam mencipta semula produk pelancongan, seni dan budaya agar lebih menarik dan inovatif; dan
- (vii) meneroka potensi dan peluang pelaksanaan gelembung pelancongan antarabangsa yang kreatif untuk memulakan semula aktiviti pelancongan antarabangsa.

8. Selain itu, segmen ekopelancongan menjadi salah satu fokus dalam merencanakan pelancongan domestik selaras dengan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2.0 2020 – 2030 yang mempunyai strategi-strategi dan pelan tindakan bagi memastikan kelestarian produk ekopelancongan kekal mampan.

**NO. SOALAN : 41**

9. Bagi negeri Terengganu, NEP 2.0 telah mengenalpasti 7 kluster ekopelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan iaitu:

- (i) Kampung Raja - Besut - Pulau Perhentian – Jerteh;
- (ii) Setiu - Merang – Penarik;
- (iii) Ajil - Kuala Berang - Tasik Kenyir;
- (iv) Kuala Terengganu - Kuala Nerus;
- (v) Marang - Pulau Kapas;
- (vi) Dungun - Rantau Abang - Al-Muktafi Billah Shah - Pulau Tenggol;  
dan
- (vii) Kemaman - Kijal - Chukai – Kerteh.

10. Kesemua kluster ekopelancongan ini akan dipantau oleh *Destination Coordination Group* yang diterajui oleh Exco Pelancongan Negeri yang bertanggungjawab merancang serta melaksanakan pembangunan produk ekopelancongan secara holistik merangkumi pelancongan berasaskan komuniti atau *community based tourism* yang memberi manfaat kepada kesejahteraan komuniti setempat dan penjana ekonomi.

Sekian, terima kasih.